



KONVOKESYEN KE-16, UNIMAS



UNIMAS peneraju penyelidikan biologi

» Kedudukan strategik di Borneo disokong sumber alam semula jadi banyak

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@bharian.com.my

Kota Samarahan

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berpotensi muncul sebagai pusat peneraju penyelidikan biologi terpenting di rantau ini berdasarkan kedudukannya yang strategik di Borneo.

Kelebihan dari segi kemudahan infrastruktur dan tenaga pengajar berkaliber selain didokong keunikan sumber alam semula jadi yang masih banyak belum diteroka, menjadi faktor cukup signifikan dalam menentukan survivalnya untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Buat permulaan, UNIMAS sedang melobi bagi mengoptimalkan sumber dalamannya dengan mewujudkan Taman Sains yang menempatkan semua spesies flora dan fauna yang hanya mampu didapati di Borneo.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman (**gambar**), berkata sudah tiba masanya universiti ini fokus kepada kelebihan dari segi kekayaan sumber berkenaan.

"Kita tidak perlu pergi terlalu



Peserta membuat persembahan pada perasmian Pesta Konvokesyen Ke-16 UNIMAS yang berlangsung di Dataran Universiti, Kampus Barat Unimas.

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

jauh, di Sarawak saja sudah mencukupi dengan syarat ada inisiatif membangunkan sumber sedia ada.

Melonjak 30 anak tangga

"Jika ada pelajar luar negara ingin melanjutkan pengajian dalam bidang biologi, kimia dan fizik umpamanya... negara seperti Jerman, Amerika Syarikat dan Australia sudah jauh ke depan, tetapi andai kita fokus kepada kepelbagaian biologi di Sarawak, itu menjadikan UNIMAS unik," katanya kepada BH, di sini, baru-baru ini.

Mengulas ranking terkini UNIMAS di Asia, Mohd Fadzil berkata, UNIMAS tahun ini berada pada tangga 160 iaitu melonjak 30 anak tangga berbanding kedudukan 190 pada tahun 2010.

Katanya, kejayaan itu hasil ker-



ja keras kakitangan UNIMAS yang mahu melihat universiti awam ini terus maju ke depan sejak penubuhannya 20 tahun lalu.

Antara kriteria diguna pakai bagi menentukan ranking universiti adalah pendidikan, kaedah pembelajaran, peranan alumni dan kemudahan penyelidikan.

Bagaimanapun, Prof Mohd Fadzil mempunyai perspektif berbeza berkenaan ranking yang dilihat masyarakat umum sebagai penanda aras bagi mengukur kejayaan sesebuah universiti.

Beliau berkata, universiti yang diberi pengiktirafan menduduki ranking tertinggi adalah berdasarkan program tertentu yang mempunyai potensi cemerlang dari segi pengisiannya.

Kelebihan UNIMAS

"Contohnya, Harvard University cemerlang dalam program perniagaan manakala Massachusetts Institute of Technology (MIT) pula dalam bidang kejuruteraan. Sebab itulah kedua-dua universiti ini berjaya sehingga menjadi penanda aras peringkat dunia.

"Jika pelajar jurusan seni menuntut di Harvard, adakah gra-

duan itu lebih baik daripada keluaran Royal College of Art, London hanya kerana graduan itu belajar di Harvard," katanya.

Meskipun tidak menolak kepentingan memperkasakan jurusan lain di UNIMAS, Mohd Fadzil berpendapat kecenderungan sesebuah universiti mempunyai keupayaan bersaing terletak kepada kaedah pengkhususan.

"Kita perlu bangunkan kelebihan yang ada dan saya melihat UNIMAS memiliki kelebihan dalam bidang biodiversiti, biologi dan antropologi," katanya.

Sehingga kini, UNIMAS masih mengekalkan lapan fakulti sejak penubuhannya pada 1992 dengan lebih 30 program ditawarkan membabitkan hampir 14,000 pelajar.

Universiti mahu jadikan virus sumber pendapatan

Kota Samarahan: Bagi kebanyakan masyarakat, virus mungkin menjadi sesuatu yang dibimbangi, namun berlainan bagi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang berhasrat menukar virus kepada sumber kekayaan baru negara.

Menerusi Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IHCM) UNIMAS, strategi berkenaan bukan angan-angan kerana dua tahun lalu ia berjaya membuat penemuan mengemparkan dunia apabila membuktikan virus denggi sebenarnya berpunca daripada monyet.

Penemuan itu yang disahkan Pusat Parvivirus di Amerika Syarikat disiarkan serata dunia, se-

kali gus meletakkan UNIMAS antara peneraju kajian virus denggi terbaik dunia.

Pengarah IHCM, Prof Madya Dr David Perera (**gambar**), berkata andai pusat itu tidak mengesahkan penemuan penting itu, hasil kaji selidik berkenaan tidak akan diiktiraf kerana pusat itu mempunyai kredibiliti tinggi dalam kajian virus.

Pihak Barat kerjasama

"Pemanasan global yang berlaku sekarang menyebabkan hemisfera utara turut mengalami jangkitan denggi. Dulu, cuma kawasan tropika mempunyai nyamuk aedes tetapi kini

semua sudah berubah.

"Bila tiba musim sejuk, kebanyakan negara Eropah tidak lagi mengalami cuaca dingin dan itu menunjukkan pemanasan global sudah memberi kesan," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Katanya, selain denggi, penyakit bawaan vektor seperti jangkitan Chikungunya dan Japanese Encephalitis (JE) yang biasa berlaku di kawasan tropika sudah merebak ke negara Barat.

"Pada masa ini, ada pihak di sana (Barat) bekerjasama dengan institut ini dalam mendalami virus ini. Apa yang dimaksudkan virus punca kekayaan baru negara adalah kerana kita mempunyai lebih pemahaman berkenaan virus terbit berban-

ding mereka," katanya.

David berkata, kemungkinan besar dalam proses mencari vaksin mengubati dua jangkitan terbit dan denggi, ia akan ditemui melalui sumber semula jadi di negeri ini.

"Negara barat kebiasaannya cukup spesifik dalam memperuntukkan dana dalam mengkaji virus. Contohnya, mereka mengeluarkan perbelanjaan besar dalam mengkaji virus HIV/AIDS. Disebabkan Chikungunya, JE dan denggi semakin menular, peruntukan dalam mencari vaksin di rantau ini sudah bertambah," katanya.

Geran penyelidikan

Meskipun UNIMAS mempunyai kekangan dari segi sumber kewangan dalam penyelidikan, na-

mun hasil kerja keras dalam mengoptimalkan kajian virus menyebabkan University Of Texas, Amerika Syarikat, menganugerahkan geran penyelidikan sebanyak RM150,000.

David berkata, walaupun jumlah itu dari segi kos penyelidikan adalah kecil, tetapi ia boleh dilihat sebagai pengiktirafan membanggakan.

"Peranan dimainkan UNIMAS dalam hasil kajiannya tidak boleh dipandang rendah kerana impak diberikan bersifat global. Pernah satu ketika, IHCM hampir menemui vaksin merawat HIV yang diperoleh daripada pokok Bitanggor," katanya.

Beliau berkata, hanya ada satu cara membawa UNIMAS tersohor di peringkat antarabangsa iaitu membangunkan sumber sedia ada dan terus menaruh keyakinan kepada keupayaan anak tempatan.

